

TEKS PENGGULUNGAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23

N16 PERAI

EXCO PEMBANGUNAN MODAL INSAN, PENDIDIKAN, SAINS & TEKNOLOGI

YB Dato` Yang Di Pertua,

Pendidikan memberi sumbangan yang besar dalam memacu kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara. Justeru, benarlah isu-isu pendidikan sentiasa mendapat perhatian umum dan acap kali ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan di Sidang Perbahasan hari ini. Seboleh mungkin saya akan memberi penjelasan sepenuhnya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan di samping ulasan ringkas beberapa isu serta cadangan yang ditimbulkan di dalam Dewan yang mulia ini.

YB Dato` Yang Di Pertua,

Menangani Masalah Keciciran Pendidikan

YB Penaga melahirkan kebimbangan berkaitan isu murid tercicir dalam pelajaran dan masalah murid daif di Pulau Pinang. Izinkan saya membuat penjelasan terlebih dahulu bahawa, jurang pendidikan dalam kalangan rakyat Malaysia telah wujud sekian lama dan semakin memburuk apabila sekolah ditutup selama 42 minggu akibat Covid-19. Tempoh masa yang panjang ini memberikan dampak yang besar kepada sektor pendidikan di Pulau Pinang khususnya krisis kecaciran literasi. Walaupun kelas secara talian berjalan, namun keberkesanan pembelajaran tidak dapat dicapai seperti sebelumnya terutamanya kepada anak keluarga miskin yang tidak mampu menghadiri kelas dalam talian. Menurut analisis daripada Dokumen Keciciran Pendidikan 2023, sebanyak 12% kanak-kanak di Malaysia tidak mencapai '*minimum proficiency level*' (MPL) iaitu masih tidak menguasai kemahiran 3M (Membaca, Menulis & Mengira). Data ini konsisten dengan data daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu seramai 34,074 murid cicir pada 2020 dan seramai 21,316 lagi cicir pada 2021. Bahkan secara kasar daripada jumlah pelajar di Pulau Pinang sekitar 6,800 orang pada 2022, dikhuatiri seramai 3,640 kanak-kanak atau 3.62% tidak menamatkan sesi persekolahan mereka sehingga Tingkatan 5. Ini bermakna krisis pendidikan yang sedang kita depani ini akan berubah menjadi krisis produktiviti dan krisis modal insan di masa hadapan.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan Negeri kekal komited melahirkan modal insan yang holistik dan bertaraf antarabangsa. Justeru, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM325,000 ribu** kepada Penang Education Council (PEC) pada tahun 2023 untuk melaksanakan Pelan Pemulihan yang Realistik dan Strategik. Pelbagai program bersasar telah dirancang dan dilaksanakan bagi memenuhi keperluan pendidikan semasa negeri Pulau Pinang. Malah, sinergi anak muda sebagai penggerak pendidikan Madani di Pulau Pinang untuk mengecilkan semula jurang pembelajaran di antara kanak-kanak akibat pandemik ini adalah agenda yang dipandang serius. Kerajaan negeri bekerjasama dengan agensi pendidikan pelbagai peringkat, NGO-NGO berkaitan serta pergerakan belia akar umbi bagi meningkatkan akses pendidikan yang lebih mampan, telus dan berkualiti kepada anak watan kita. Berkenaan murid daif, kerajaan negeri bercadang untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi melaksanakan projek rintis bagi mengatasi isu ini.

YB Dato` Yang Di Pertua,

Memperkasa Pendidikan Pembangunan Lestari

YB Air Putih telah membangkitkan tentang usaha memperkasa pendidikan pembangunan mampan (SDG) di institusi pendidikan pelbagai peringkat dalam negeri Pulau Pinang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sedang meneliti dan berhasrat untuk mewujudkan suatu projek rintis bagi meningkatkan kesefahaman pelbagai pihak tentang matlamat pembangunan lestari. Justeru, meta analisis daripada Laporan Penang Institute berkenaan kesediaan sekolah-sekolah di Pulau Pinang bagi mempraktikkan amalan terbaik, matlamat pembangunan mampan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bertarikh Jun 2021 ini juga selari dengan Agenda Penang 2030 yang diperjuangkan oleh Kerajaan Negeri. Maka, jelaslah Pulau Pinang sentiasa ke hadapan dalam memacu agenda pendidikan. Sejalan dengan itu, berteraskan hasil dapatan daripada perkongsian pintar bersama The Guyana Global Partnership for Education dan UNSDG National Library in Trinidad and Tobago kepada kerajaan negeri PP, perpustakaan-perpustakaan awam di Pulau Pinang termasuk perpustakaan digital turut bersedia menerapkan elemen SDG kepada masyarakat awam melalui penganjuran program-program berimpak, aktiviti berkesan, pameran, permainan interaktif SDG dan penyediaan bahan bacaan pintar. Semua usaha dan insentif mempromosikan kesemua aspirasi UNSDG ini nescaya menarik minat lebih ramai pelabur, meningkatkan jati diri masyarakat kita sebagai komuniti global dan memperkukuh kelestarian global seperti yang disarankan oleh **YB Komtar** dan **YB Machang Bubuk**.

Pemeriksaan mahasiswa Pulau Pinang

Berhubung dengan usaha memperkasa golongan mahasiswa dan mahasiswi Pulau Pinang seperti yang ditimbulkan oleh **YB Pengekalan Kota**, usaha ini memerlukan pendekatan

bersepadu dan menyeluruh dari segi perancangan, dan tindakan yang melibatkan pelbagai pihak secara berterusan. Saya optimis mengatakan bahawa Pulau Pinang telah menjadi destinasi pilihan rakyat Malaysia bagi memburu pekerjaan dan melanjutkan pelajaran. Hal ini dapat dilihat melalui kempen "My Penang, My Workplace" yang bertujuan untuk menarik bakat-bakat muda seluruh negara mencari peluang pekerjaan dan pendidikan di Pulau Pinang. Tahukah anda, Sehingga bulan September 2022, sebanyak tujuh (7) siri ceramah kerjaya telah dijalankan di Universiti Sains Malaysia (USM) Nibong Tebal dan juga kampus induk, A/Bukhary international University, Politeknik Seberang Perai, Paris-Saclay University dan Taylor's University untuk mempromosikan peluang-peluang pekerjaan dan peluang melanjutkan pendidikan tinggi di Pulau Pinang kepada bakal graduan. Selain itu, pengenalan mengenai "Penang Internship Subsidy Program" (PISP) kepada syarikat-syarikat tempatan bagi membuka peluang latihan industri dan seterusnya menarik bakat-bakat untuk mendapatkan pengalaman bekerja di tempat mereka juga telah dilaksanakan melalui 'InvestPenang'. Melalui pelaksanaan ini, mahasiswa Pulau Pinang dapat meningkatkan pengalaman dan kebolehpasaran mereka.

Sungguhpun begitu, saya tidak menafikan bahawa mahasiswa Pulau Pinang perlu diberi peluang dan pengalaman yang lebih holistik dalam menerajui kepimpinan tertinggi dan mewarnai hala tuju kecemerlangan Malaysia Madani. Hasil penelitian komprehensif daripada dokumen eksklusif, 'The ASEAN Youth Job market dan Skills Demands for the Future' oleh ASEAN Foundation pada hujung tahun 2022 memperincikan bahawa belia Pulau Pinang masih ketandusan kemahiran-kemahiran digital, sosial, sains dan teknologi misalnya (STEM, TVET, AI, Coding, IoT, Cloud Computing) dan kepimpinan. Sebagai komitmen kerajaan terhadap sektor pendidikan, pembangunan modal insan, sains dan teknologi, Kerajaan telah menambah peruntukkan sebanyak RM 2.18 juta bagi melatih lebih ramai 'Young Talents, innovators, critical problem solvers, policy makers, and even social workers' dalam kalangan mahasiswa Pulau Pinang. Perincian pelan ini termasuk melahirkan 'Youth-Led researchers' bersama *The Penang Institute* bagi melahirkan graduan dan pemuda negeri yang sentiasa prihatin terhadap isu-isu semasa negeri berdasarkan bukti-bukti kuantitatif dan penganalisan data secara analitikal. Model organisasi ini telah diadaptasi daripada negara-negara Komanwel seperti Fiji dan Mauritius yang terbukti berjaya memperkasa mahasiswa lokal.

YB Dato` Yang Di Pertua,

Setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan tentang perkara-perkara yang menyentuh portfolio pembangunan modal insan, sains dan teknologi yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya sedar terdapat beberapa perkara yang tidak sempat saya jelaskan

tetapi akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas perhatian, teguran, dan sokongan berterusan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat terhadap usaha untuk menyediakan pendidikan berkualiti di bumi Pulau Pinang ke arah pembangunan modal insan seperti yang disasarkan oleh pucuk pimpinan tertinggi negara tercinta, Malaysia Madani.

Sekian, terima kasih.

Sharran A/L Loganadzan

N16 Perai

Sidang Muda 2022/23

